

TRANSKRIP

PROGRAM KE ARAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN CINTAILAH NEGARA KITA

UCAPAN OLEH:

**Y.A.B DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

7 SEPTEMBER 2009

DISEDIAKAN OLEH :

**SEKSYEN PERHUBUNGAN AWAM DAN DOKUMENTASI
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, PENTADBIRAN AM,
JABATAN PERDANA MENTERI**

TRANSKRIP

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam 1Malaysia.

- 1. Y.A.B Timbalan Perdana Menteri dan Saudara-Saudara, Saudari-Saudari warga Jabatan Perdana Menteri. Alhamdulillah, pada pagi yang bertuah ini kita dapat melangsungkan Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri.**
- 2. Perhimpunan bulanan kita pada kali ini membawa beberapa keistimewaan. Pada hemat saya ada tiga keistimewaan yang boleh kita kaitkan antara satu sama lain. Pertama, perhimpunan kita diadakan dalam bulan Ramadhan Al-Mubarak, bulan yang penuh keberkatan dan kita masuk tempoh 2/3 bulan Ramadhan yang dikenali sebagai tempoh keampunan.**
- 3. Walaupun dalam bulan Ramadhan, kita sebagai umat Islam di Malaysia bekerja seperti biasa. Sebaliknya saya merasakan bagi sebahagian besar daripada kita, kita bekerja luar biasa dalam bulan Ramadhan dan ini juga menepati dengan sejarah perjuangan Islam di mana umat Islam di zaman Rasulullah S.A.W. mencapai begitu banyak kejayaan dalam bulan Ramadhan seperti dalam Perang Badar, Khandak. Kejayaan umat Islam walaupun dalam kelaparan, keletihan tetapi berjaya dalam perjuangan.**
- 4. Sudah tentu ada banyak keistimewaan dalam bulan Ramadhan, terlalu banyak kebbaikannya untuk kita hayati, untuk kita jadikan sebagai tarbiyah yakni latihan amali boleh membentuk kekuatan dalaman pada diri kita.**
- 5. Yang kedua, hari ini juga Nuzul Quran. Turunnya kitab suci Al-Quran pada 17 Ramadhan ini membawa satu rahmat kepada manusia sejagat daripada zaman kegelapan kepada zaman penuh dengan cahaya sinaran ruh, nur cahaya. Dan secara kebetulan juga**

kita sambut perhimpunan kita, kita adakan dalam gema kemerdekaan. Seminggu yang lalu kita telah menyambut kemerdekaan. Gema kemerdekaan itu masih kita rasai sampai hari ini.

6. Jadi kalau kita tanya apakah kait, hubungkaitnya atau *significance* ke tiga-tiga peristiwa ini. Pada hemat saya ada satu aspek yang amat penting. Aspek perubahan ataupun *change*. Turunnya kitab suci Al-Quran, perubahan besar. Dalam bulan Ramadhan, kalau kita menghayati bulan Ramadhan sebagai satu tarbiyah, berlaku perubahan yang besar bagi diri kita dan kita sambut hari kemerdekaan, berlaku perubahan yang besar kepada negara kita.
7. Jadi inilah bila kita tekankan perubahan, ini bukanlah satu perkara biasa ataupun perkara baru, ia sudah dituntut oleh Agama kita iaitu sesuatu yang boleh membawa kejayaan yang lebih besar kepada negara Malaysia kita. Dan marilah kita, sempena perhimpunan kita pada hari ini melihat bagaimana kita boleh melakukan perubahan sekali lagi, perubahan untuk kita melakukan kepada negara kita, transformasi kepada negara kita yang ingin kita lihat berdasarkan kepada segala tarbiyah dan mesej Nuzul Quran, mesej kita beribadat puasa dan juga pengertian kemerdekaan kepada kita semua.
8. Seperkara yang saya ingin sebut di sini bahawa Islam bila diturunkan merupakan agama untuk manusia sejagat. Ini yang dikatakan tentang 'The Universality of Islam', kesejagatan Islam. Dalam surah Al-Maidah, ayat 8; Tuhan perintah kepada kita supaya kita jangan benci kepada sesuatu kaum sehingga kita tidak berlaku adil pada kaum itu. Dalam surah ini tuhan tidak sebut umat Islam, tuhan sebut kaum, bererti Islam ialah agama untuk semua dalam erti kata untuk menegakkan keadilan sosial secara sejagat 'Universal' dan ini juga ada hubung kait dengan konsep 1Malaysia.

9. Dalam satu lagi surah, Allah berpesan kepada kita, jangan mencerca agama yang lain kerana kalau kita mencerca agama yang lain, mereka akan mencerca lebih berat lagi, lebih teruk lagi kepada agama kita. Bererti apa? Prinsip kesejagatan, 'mutual respect' menghormati agama lain, menghormati kaum lain. Jadi dua prinsip 'universality' dalam Islam, satu keadilan sosial secara sejagat, kedua 'mutual respect'. Kalau kita melakukan perkara ini, agama Islam dan umat Islam akan lebih dihormati dan kita akan menjadi lambang model negara Islam yang berjaya.
10. Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian, saya tertarik bila sebut tentang perubahan. Satu perubahan kecil tetapi ada juga signifikannya, bila saya sampai di sini 3 minit awal daripada jadual, saya tidak lihat ada seorang pun kakitangan penjawat awam yang masih lagi tercungap-cungap mendaki bukit ini. Bererti bahawa walaupun dalam bulan Ramadhan, tuan-tuan dan puan-puan telah dapat menunjukkan ketepatan waktu dengan baik. Itu satu perubahan yang saya dapat lihat. Tahniah saya ucapkan.
11. Oleh kerana perhimpunan kita ini ialah perhimpunan terakhir sebelum Hari Raya Aidilfitri, saya nak jemput tuan-tuan dan puan-puan semua ke rumah terbuka kerajaan Malaysia yang pada kali ini akan diadakan di kediaman Seri Perdana di mana semua Jemaah Menteri akan ada bersama-sama. Jadi harap kita dapat berjumpa dan kita dapat berhari raya bersama-sama sebab saya sentiasa menghargai peranan kakitangan kerajaan.
12. Hari Sabtu lalu, saya pergi tengok kuarters JKR dan saya lihat sedih, JKR yang buat bangunan untuk orang lain tetapi kakitangannya berada dalam keadaan; ada yang tinggal dalam rumah sebilik, ada yang tambah bilik sendiri tetapi yang anehnya anak ramai. Saya kira ini tidak boleh kita pertahankan. Saya kata buat projek baru dan Insya Allah, projek baru akan kita jalankan.

13. **Bila saya buat tinjauan mesra 'walkabout' bila saya perkenalkan rakyat didahulukan termasuk juga penjawat-penjawat awam, kita akan bela dengan kemampuan yang ada pada kerajaan. Selamat Hari Raya Aidilfitri dan selamat menghabiskan ibadat puasa.**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.